



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PERUTUSAN SAMBUTAN HARI DEEPAVALI 2021**

**TARIKH: 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA) , MASA: 10.00 PAGI
DI SERI BENDAHARA DAN LITTLE INDIA**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warramatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Malaysia Indiaregel, Anaji Varukam
Vanakam dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.

Saudara dan saudari, sidang penonton sekalian,

1. Esok, kita semua rakyat Malaysia dapat sekali lagi
meraikan perayaan Deepavali, atau pun perayaan
cahaya, dalam suasana aman harmoni dan penuh
kegembiraan.

2. Kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu, saya dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Utama Datuk Wira Hjh Munira binti M. Yusop serta seisi keluarga ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut agama Hindu di Malaysia dan di mana jua anda berada.
3. Sebagaimana kita semua sedia maklum, pada tahun ini, Sambutan Hari Deepavali sekali lagi disambut dalam keadaan norma baharu seperti tahun sebelumnya. Hal ini kerana, sehingga kini, negara masih berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 dan kita masih berada dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).
4. Justeru, saya berharap, saudara dan saudari yang beragama Hindu akan tetap meraikan perayaan Deepavali dengan meriah di rumah bersama ahli keluarga masing-masing dengan mematuhi segala garis panduan atau SOP yang telah ditetapkan.
5. Pastikan kita elak daripada bersalaman ataupun berhimpun di tempat orang ramai, dan amalkanlah penjarakan fizikal untuk kita bersama-sama memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Saudara dan saudari,

6. Selari dengan pendekatan konsep **“Keluarga Malaysia”**, seluruh masyarakat Malaysia khususnya di

Melaka yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya pastinya turut merasai kegembiraan sambutan perayaan ini dan bersama-sama menyambutnya kerana ia mencerminkan keharmonian dan perpaduan yang dikongsi bersama.

7. Oleh itu, saya ingin mengajak saudara dan saudari untuk bersama-sama menghayati semangat **“Keluarga Malaysia”** ketika menyambut perayaan Deepavali ini. Semoga pesta cahaya pada tahun ini akan memberikan sinar kebaikan kepada kita semua.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

8. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali atau **“Deepavali Nalvalthukal”** kepada semua rakyat Malaysia amnya dan negeri Melaka khususnya yang beragama Hindu.
9. Sekian, **Yellow rukam eniaa Deepavali Nalvalthukel Nandre Vanakam.**